

Adnan

**60** AMAZING YEARS!

**AEON BIG**

Pelbagai PILIHAN Nilai HEBAT

Tarikh Promosi: 25 Ogos - 3 September 2017

f @MYAEONBIG

20L

**209** /unit

0% : RM 69.67 x 3 BULAN

Sharp Ketuhak Gelombang Mikro R-202ZS

- 11 Power Levels Setting
- 2 Auto Defrost Keys

Jaminan 2 Tahun

**529** /unit

0% : RM 88.17 x 6 BULAN

Philips Air Fryer HD9216/81

- Healthy Frying With Rapid Air Technology
- Tasty & Versatile (Fry, Grill, Roast & Bake)

Baru!

**259** /unit

0% : RM 86.33 x 3 BULAN

Elba Penyejuk Udara EAC-F6575

- Water Tank Capacity: 5 Litres
- 3 Speeds Fan Setting

1.0HP

**699** /unit

0% : RM 116.50 x 6 BULAN

Penghawa Dingin Berjenama

- Elegant Panel With LED Display
- Super Cooling Function

10kg

**1199** /unit

0% : RM 99.92 x 12 BULAN

Samsung Mesin Basuh Automatik WA10J5710SG/FQ

- Active Dual Wash
- Magic Dispenser

610mm

**1499** /unit

0% : RM 124.92 x 12 BULAN

Samsung Peti Sejuk 2 Pintu RT32K552SLME

- Twin Cooling Plus
- Smart Conversion

410L

600mm

49"

Jaminan 2 Tahun

**1899** /unit

0% : RM 158.25 x 12 BULAN

Philips TV LED 49" UHD 49PUT5801/98

- 4 x HDMI
- 2 x USB (Movie)

65"

Jaminan 2 Tahun

**2899** /unit

0% : RM 120.79 x 24 BULAN

Sony TV Internet 55" HD Penuh KDL-55W650D

- 2 x HDMI
- 2 x USB (Movie)

**0%** FAEDAH

sehingga 48 bulan\*

ALLIANCE BANK | CIMB BANK | HSBC | RHB BANK

MAKRO | VISA

DAFTAR SECARA PERCUMA!

@MYAEONBIG

Dapatkan KATALOG PROMOSI KAMI SEKARANG!

Imbas KOD QR untuk Katalog Digital terbit!



UMI Kelsom menunjukkan laporan dibuat kepada Amir Hamzah.

# 'Nak makan pun tak cukup'

Tukang cuci OKU buntu terima bil tuntutan RM5,108 daripada syarikat pinjaman wang

Noor Azurin Mohd Sharif am@hmetro.com.my

**Melaka**

Seorang wanita orang kurang upaya (OKU) kebingungan apabila menerima bil tuntutan daripada syarikat pinjaman wang berjumlah RM5,108 walaupun tidak pernah membuat permohonan daripada institusi kewangan sebelum ini.

Umi Kelsom Md Yusof, 54, yang cacat pendengaran berkata, dia keliru bagai mana nama dan nombor MyKad miliknya boleh digunakan individu tidak bertanggungjawab bagi memohon pinjaman berkenaan.

Katanya, dia semakin terkejut apabila menerima notis guaman pada November tahun lalu memaklumkan tindakan undang-undang dikenakan terhadapnya jika gagal melunaskan pinjaman terbabit.

"Saya bekerja sebagai tukang cuci di sebuah sekolah dengan pendapatan RM700 sebulan, jadi tak munasabah nak buat pinjaman sebesar itu, lebih-lebih lagi mahu beli telefon pintar sedangkan nak makan pun tak cu-

"Saya tak berani nak tuduh sesiapa dan harap ada pihak tampil bantu untuk siasat, sekali gus selesaikan masalah kami"

Umi Kelsom

kup. "Sekarang saya buntu dan risau kerap diganggu wakil syarikat terbabit yang menuntut hutang. Saya tertekan apabila wakil syarikat terbabit cakap nak sita rumah dan ambil tindakan undang-undang lain," katanya ketika ditemui di pejabat Pembela Barisan Nasional (Pembela BN) di Kota Cemerlang, Ayer Keroh, di sini, semalam.

Akibat tertekan kerana memikirkan masalah terbabit, Umi Kelsom mendakwa kesihatannya terjejas hingga mengganggu tugasnya sebagai tukang cuci.

Wanita itu berkata, selama ini dia tidak pernah memberikan salinan MyKad mahupun dokumen peribadi lain kepada mana mana pihak kecuali sewaktu memohon untuk mendapatkan kerja.

"Kerana buntu saya berkongsi perkara ini dengan beberapa rakan sekerja yang bertugas di bawah penelia sama sebelum ini dan mereka mengadu turut berdepan masalah sama.

"Saya tak berani nak tuduh sesiapa dan harap ada pihak tampil bantu untuk siasat, sekali gus selesaikan masalah kami," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pembela BN Amir Hamzah Aziz berkata, pihaknya menyediakan peguam bagi mewakili wanita OKU itu jika kesnya dirujuk ke mahkamah oleh syarikat terbabit. "Dia tak tahu apa-apa tapi namanya dicalar oleh individu tidak bertanggungjawab, malah perlu menanggung hutang orang lain pula sekarang ini.

"Bagi mengatasi masalah ini saya cadangkan syarikat pinjaman mewujudkan sistem imbasan cap jari untuk sabkan pemohon adalah pemegang sebenar MyKad dilampirkan pada borang permohonan.

"Sebelum ini kami pernah menerima beberapa kes menggunakan modus operandi sama. Perkara ini adalah satu perbuatan jenayah yang menyusahkan mangsa," katanya.